



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 28 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Sekolah Pertama Tumpu Pendidikan Anak Autistik Bakal Dibina Di Mukim Pulau https://www.malaysiakini.com/news/724069 https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/first-school-for-autistic-children-to-be-built-in-pulai https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/16425/sekolah-pertama-tumpu-pendidikan-anak-autistik-bakal-dibina-di-mukim https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sekolah-pertama-tumpu-pendidikan-anak-autistik-bakal-dibina-di-pulai-493630	Malaysia Kini Berita RTM Berita Harian Astro Awani	Neutral
2.	Polis Siasat Kumpulan Jalan Aktiviti Pengantunan Seksual Kanak-Kanak Di Media Sosial https://malaysiagazette.com/2024/10/27/polis-siasat-kumpulan-jalan-aktiviti-pengantunan-seksual-kanak-kanak-di-media-sosial/ https://www.youtube.com/watch?v=R-ibGWobXe8 https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2356883	Malaysia Gazette Astro Awani Bernama The Sun	Neutral

	https://thesun.my/cerita/berita/polis-siasat-kumpulan-jalan-aktiviti-pengantunan-seksual-kanak-kanak-di-media-sosial-CA13203247		
3.	<p>Kanak-Kanak Lelaki Rentung Dalam Kebakaran Di Tawau</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/724079</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=KmSwIRzpWpl</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=k11zLXaWY8E</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/seorang-kanak-kanak-lima-tahun-maut-x9843ci</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-rentung-dalam-kebakaran-di-tawau</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/27/kanak-kanak-5-tahun-rentung-dalam-kebakaran/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=v5bVu02eLRQ</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-5-tahun-rentung-38-rumah-musnah-terbakar/</p> <p>https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lelaki-rentung-dalam-kebakaran-di-tawau/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/27/kanak-kanak-rentung-38-rumah-musnah-dalam-kebakaran-di-tawau</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2024/10/27/kanak-kanak-5-tahun-rentung-40-rumah-hangus-di-tawau/</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/kanak-kanak-lelaki-rentung-dalam-kebakaran-38-rumah</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV9</p> <p>Utusan</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Nabalu News</p>	Neutral

4.	<p>Kanak-Kanak 4 Tahun Jatuh Dari Tingkat 12 Kondominium Stabil</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-4-tahun-jatuh-dari-tingkat-12-kondominium-stabil-493639</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2356804</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-4-tahun-jatuh-dari-tingkat-12-kondominium-dilaporkan-stabil/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
5.	<p>Rumah Kebajikan Jadi Talian Hayat Ibu Bapa Terdesak</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/28/rumah-kebajikan-jadi-talian-hayat-ibu-bapa-terdesak/</p>	Kosmo	Neutral
6.	<p>'Selepas Rafa Jalani 100 Kali Rawatan Kemoterapi, Dia Sudah Boleh Berjalan'</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1148828/selepas-rafa-jalani-100-kali-rawatan-kemoterapi-dia-sudah-boleh-berjalan</p>	Harian Metro	Neutral
7.	<p>Kanak-Kanak Perempuan 6 Tahun Lemas Dalam Parit</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-perempuan-6-tahun-lemas-dalam-parit/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=Wl5gat0bO0k</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=U9ZpnazD_g</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/693369/berita/semasa/budak-perempuan-enam-tahun-lemas-dalam-parit</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
8.	<p>10 Wanita Warga Indonesia Ditahan Dalam Op Noda</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/10-wanita-warga-indonesia-ditahan-dalam-op-noda-OA13203148#google_vignette</p> <p>https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2356863</p>	<p>The Sun</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

<p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/10-wanita-indonesia-tawar-khidmat-pelacuran-ditahan/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/10-wanita-warga-indonesia-ditahan-dalam-op-noda-di-jalan-petaling-lebuh-pudu-493683</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/27/rumah-merah-diserbu-tawar-khidmat-wanita-serendah-rm40/</p>	<p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p>	
--	---	--

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

SEKOLAH PERTAMA TUMPU PENDIDIKAN ANAK AUTISTIK BAKAL DIBINA DI MUKIM PULAI

Sekolah pendidikan khas yang memberikan tumpuan sepenuhnya kepada murid autistik dirancang dibina di mukim Pulai di Johor Bahru.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor Aznan Tamin berkata cadangan berhubung pembinaan sekolah bagi anak-anak autistik pernah disuarakan Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi kepada Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek pada akhir tahun lepas.

Justeru, beliau berkata pengumuman pembinaan sekolah itu pastinya menjadi 'hadiah' terbaik kepada Ibu bapa khususnya di Johor yang mengharapkan anak-anak istimewa tidak tercicir dari aspek pembelajaran dan pengurusan sendiri.

"Segala perancangan terperinci mengenai sekolah ini akan dimaklumkan pihak Kementerian Pendidikan (KPM)," katanya ketika dihubungi Bernama.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2025 baru-baru ini mengumumkan pembinaan dua sekolah baharu murid berkeperluan khas di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru, Johor melibatkan kos RM300 juta.

Sekolah di Johor Bahru bakal menjadi sekolah pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada pendidikan untuk autistik.

Sementara itu, Pengarah Klinikal IndeBrain Occupational Therapy Solutions, sebuah pusat terapi anak-anak istimewa, Siti Noraisikin Mohd Jazuli berkata pembinaan sekolah berkenaan amat diperlukan memandangkan peningkatan jumlah kanak-kanak autistik di negara ini.

Beliau berkata mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah kanak-kanak autistik menunjukkan peningkatan drastik dalam tempoh 10 tahun terakhir dengan tahun lepas sahaja merekodkan 53,323 orang didiagnosis menghidap autisme.

Siti Noraisikin berkata antara kerisauan utama ibu bapa adalah kekurangan kemudahan untuk anak-anak istimewa mendapatkan pendidikan di sekolah terutama dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

“Di Malaysia terdapat pusat perkembangan awal bagi memenuhi keperluan anak istimewa ini terutama anak-anak autistik, namun isu utama selalunya adalah melibatkan kewangan kerana kos bagi menghantar anak-anak ke pusat perkembangan swasta agak tinggi berbanding menghantar ke sekolah aliran perdana.

“Oleh itu, kami menyambut baik pengumuman menerusi Belanjawan 2025 ini dalam menyediakan kemudahan dan memberi keutamaan kepada anak berkeperluan khas,” katanya.

POLIS SIASAT KUMPULAN JALAN AKTIVITI PENGANTUNAN SEKSUAL KANAK-KANAK DI MEDIA SOSIAL

KUALA LUMPUR – Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah memulakan siasatan mengenai dakwaan kewujudan kumpulan yang menjalankan aktiviti pengantunan seksual kanak-kanak di akaun media sosial, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain.

Beliau berkata siasatan dilakukan selepas pihaknya menerima maklumat daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada Jumaat lepas berhubung kewujudan kumpulan berkenaan yang menjalankan aktiviti menerusi hantaran di aplikasi X.

Razaruddin berkata siasatan dijalankan Unit Siasatan Jenayah Siber (Internet) Terhadap Kanak-Kanak Malaysia (MICAC) Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) dan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman.

“Unit MICAC D11 sudah memulakan proses risikan dalam talian dan menyalurkan beberapa maklumat suspek kepada pihak MCMC untuk dibuat profiling awal sementara risikan dalam talian diteruskan bagi menimbulkan elemen yang lebih kukuh mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

“Bahagian D11 bersama MCMC sedang menjalankan risikan dan siasatan lanjut ke atas maklumat itu,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil mengesahkan MCMC ada menerima aduan mengenai kewujudan kumpulan pengantunan seksual kanak-kanak di akaun media sosial dan suruhanjaya itu sedang bekerjasama dengan Meta dan polis bagi melakukan siasatan lanjut. – BERNAMA

KANAK-KANAK LELAKI RENTUNG DALAM KEBAKARAN DI TAWAU

Seorang kanak-kanak lelaki ditemukan rentung dalam kebakaran melibatkan 38 rumah di Kampung Jati, Batu 5 di sini tengah malam tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tawau Jemishin Ujin berkata mayat kanak-kanak berusia lima tahun itu ditemukan pada 4.50 pagi.

"Seramai 27 pegawai serta anggota bomba bergegas ke tempat kejadian yang teletak pada jarak 10 kilometer dari pusat bandar dan tiba di lokasi pada 1.10 pagi.

"Kebakaran membabitkan 38 rumah di kawasan 1.57 ekar dan operasi pemadaman menggunakan sumber air jentera bomba dan air terbuka," katanya dalam kenyataan di Tawau hari ini.

Beliau berkata operasi ditamatkan pada 5.59 pagi dan punca kebakaran masih disiasat.

KANAK-KANAK 4 TAHUN JATUH DARI TINGKAT 12 KONDOMINIUM STABIL

GEORGE TOWN: Kanak-kanak lelaki yang terjatuh dari tingkat 12 sebuah kondominium di Lebuhraya Tunku Kudin, Gelugor di sini semalam dilaporkan dalam keadaan stabil.

Pemangku Ketua Polis Daerah Timur Laut Supt Lee Swee Sake berkata kanak-kanak berusia empat tahun itu sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebuah hospital swasta di sini.

"Berdasarkan keterangan keluarga kanak-kanak itu, mangsa dalam keadaan stabil dan menerima rawatan di ICU untuk pemerhatian selama 48 jam," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau berkata siasatan lanjut masih dijalankan termasuk merekodkan keterangan ibu bapa dan saksi yang melihat kejadian itu serta kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Dalam kejadian kira-kira 9.20 pagi semalam, kanak-kanak lelaki itu dilaporkan mengalami kecederaan parah setelah terjatuh dari bilik tidur utama rumahnya.

Siasatan polis mendapati mangsa ditemukan oleh neneknya berusia 63 tahun yang juga penjaganya di tingkat tujuh dan difahamkan mangsa yang merupakan anak tunggal itu terjatuh dari tingkat bilik tidur utama ketika neneknya berada dalam tandas.

'SELEPAS RAFA JALANI 100 KALI RAWATAN KEMOTERAPI, DIA SUDAH BOLEH BERJALAN'



Kuala Kedah: Usianya hampir mencecah empat tahun namun Rafa Alauddin Abdul Rauf terpaksa menanggung penderitaan akibat kanser otak yang dihidapinya sejak tiga tahun lalu.

Dia juga pernah melakukan 100 kali rawatan kemoterapi dan tiga kali pembedahan membuang cecair di kepala sejak 2022 hingga kini.

Bapanya, Abdul Rauf Nordin, 29, berkata, sebelum ini, anak bongsu daripada dua beradik itu dilahirkan normal tetapi mulai merasai kesakitan di bahagian kepala sehingga sukar melelapkan mata setiap malam.

"Disebabkan bimbang kesihatan anak, saya dan isteri, Noor Amira Saad, 29, membawa Rafa menjalani pemeriksaan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) pada 2021 sebelum dimaklumkan dia menghidap kanser otak," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Pondok, Kubang Rotan, di sini, hari ini.

Katanya, walaupun berat menerima berita itu namun dia dan isterinya terpaksa kuatkan semangat membawa anak mereka mendapat rawatan di HSB sebelum dirujuk ke Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Sejak itu saya dan isteri terpaksa berulang-alik ke HSB dan HPP dua minggu sekali dan bergilir menjaga Rafa di wad.

"Disebabkan kerap mengambil cuti, saya diberhentikan kerja sebagai pengawal keselamatan dan terpaksa menganggur hampir setahun untuk menjaga anak.

"Namun saya menganggap ini sebagai ujian disebabkan anak saya sakit dan meneruskan rawatan anak sehingga sembuh," katanya.

Abdul Rauf berkata, akibat daripada kanser itu juga berlaku benjolan pada mata kanan anaknya sehingga tersembul keluar sebesar bola ping pong.

Katanya, pada mulanya dia berasa putus asa malah ada dalam kalangan rakannya memberitahu mungkin jangka hayat anaknya tidak lama disebabkan keadaan makin teruk.

"Tetapi saya dan isteri kuatkan semangat dan meneruskan rawatan anak sehinggakan 100 kali kemoterapi dilakukan dengan harapan Rafa akan sembuh.

"Alhamdulillah, hasil kemoterapi yang dilakukan, benjolan di mata anak saya makin mengecut dan beransur hilang malah anak saya juga boleh berjalan selain menghafal surah al-Fatihah walaupun anak saya kini buta," katanya.

Abdul Rauf berkata, dia dan isterinya bagaikan tidak percaya apabila anak mereka semakin sihat dengan rawatan susulan yang dilaluinya selain berterima kasih kepada doktor yang merawat anaknya.

Katanya, dia bersyukur apabila sudah mendapat kerja baru sebagai pengawal keselamatan dan menarik nafas lega apabila melihat keadaan anaknya semakin baik.

"Saya hanya menggunakan wang bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk berulang-alik ke hospital selama ini namun ia tidak mencukupi kerana kami mempunyai seorang lagi anak, Nurul Alya Shifa, 5.

"Anak saya bagaikan mati hidup semula apabila Allah beri peluang untuk dia meneruskan kehidupannya walaupun melawan penyakit kanser ini, " katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Noor Amira Saad 02105023168544 Bank Islam.

Sementara itu, Pengerusi Cancer Survivors Malaysia (CSM), Zuraini Kamal berkata, CSM sudah menghulurkan sumbangan kepada pesakit berkenaan selain turut memberi semangat kepada keluarga meneruskan rawatan di hospital.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr M Murallitharan berkata, keberkesanan rawatan dilakukan dapat dilihat selepas Rafa juga sudah mampu berjalan dan benjolan pada mata kanannya sudah mengecut.

"Rawatan kemoterapi sekarang sudah berbeza dengan 20 tahun lalu, hasilnya kita mampu lihat dengan rawatan dilakukan terhadap adik Rafa.

"Adik Rafa ini memang tabah dan ini dapat dilihat melalui keberkesanan rawatan sehingga dia mampu berjalan kerana kanser otak ini sebenarnya menjejaskan sistem saraf," katanya.